

06/11/1998

Pelaksanaan cuti Sabtu perlu disegera

Rusnita Pechok

PEMIMPIN kesatuan guru menyambut baik langkah Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan pekeliling berhubung pelaksanaan cuti satu hari Sabtu setiap bulan supaya semua sekolah tidak menjalankan sebarang kegiatan kokurikulum pada hari berkenaan.

Pemimpin terbabit berharap pihak sekolah dapat melaksanakan sepenuhnya arahan yang dikeluarkan itu bagi memastikan semua pihak sama ada guru, kakitangan sokongan, pelajar dan ibu bapa dapat merancang aktiviti masing-masing.

Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM), Muhammad Mustapha, berkata pekeliling yang bakal dikeluarkan itu akan menjadi panduan kepada pihak pentadbiran sekolah untuk mengelak dan menanggung aktiviti yang hendak dilaksanakan.

Bagaimanapun, beliau berharap supaya pekeliling itu dapat dikeluarkan secepat mungkin sebelum pihak sekolah menyediakan takwim sekolah untuk sesi persekolahan tahun depan.

"Jika pekeliling itu dikeluarkan awal, pihak sekolah dapat memaklumkan kepada ibu bapa sebaik sahaja sesi persekolahan bermula bagi memudahkan mereka merancang aktiviti bersama anak-anak," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kementerian itu akan mengeluarkan pekeliling tidak lama lagi berhubung pelaksanaan cuti satu hari Sabtu setiap bulan.

Langkah itu sejajar dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat baru-baru ini supaya satu hari Sabtu setiap bulan dijadikan cuti bagi sektor awam mulai Januari tahun depan.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat, Abd Rahman Daud, berkata meskipun mengikut Belanjawan 1999 itu, Perdana Menteri mencadangkan cuti itu untuk membangunkan sektor pelancongan dalam negeri, cuti itu masih boleh dipenuhi dengan pelbagai aktiviti lain.

Katanya, bagi mereka yang tidak pergi melancong, cuti itu memberi banyak faedah lain seperti berehat bersama keluarga, balik ke kampung dan mengulang kaji pelajaran dengan lebih selesa.

Beliau berharap pekeliling itu dapat dikeluarkan segera dan Bahagian Sekolah boleh menyelaraskan cuti berkaitan dengan sektor awam bagi membolehkan perancangan dibuat oleh ibu bapa.

Presiden Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Abu Bakar Shawkat Ali, berkata cuti satu hari Sabtu setiap bulan itu tidak mendatangkan sebarang masalah kepada pihak sekolah kerana persekolahan pada hari berkenaan hanya membabitkan aktiviti kokurikulum.

Bagaimanapun, katanya, cuti itu dapat memberi peluang kepada guru yang juga ibu bapa serta murid untuk bersama keluarga masing-masing kerana kebiasaannya sebelum ini banyak sekolah mengadakan aktiviti kokurikulum pada hari berkenaan.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam perkhidmatan Malaysia (Kongres), Mohd Kahiri Yahya, berkata cuti itu tidak memberi sebarang kesan negatif kepada sekolah kerana persekolahan pada hari Sabtu sebelum ini hanya membabitkan kokurikulum.

Tambahan pula, katanya, pihak sekolah masih mempunyai tiga lagi Sabtu yang boleh diisi dengan pelbagai aktiviti kokurikulum.

Bagaimanapun, menurut beliau, sekolah yang mempunyai dua sesi mungkin

menghadapi sedikit masalah penjadualan berikutan kekurangan ruang dan aktiviti yang lazimnya dilakukan setiap Sabtu sebelum ini.

"Masalah ini, bagaimanapun boleh diatasi dengan melanjutkan masa persekolahan pada tiga Sabtu yang lain kerana kebiasaan aktiviti pada hari Sabtu hanya mengambil masa singkat iaitu kira-kira dua jam sahaja," katanya.

Menurut beliau, pada hari cuti terbabit, pelajar boleh mengambil peluang berehat secukupnya di samping melakukan aktiviti bersama keluarga.

"Guru juga boleh memberikan kerja rumah yang lebih kepada pelajar supaya mereka memberi perhatian kepada pelajaran pada hari berkenaan," katanya.

(END)